GARIS PANDUAN EDISI 2024

LADA

KARISMA

ETIKA BERPAKAIAN

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

/ukkLADA /langkawi_lada /LangkawiDevelo1 /LADATVLGK /LADATVLGK

ISI KANDUNGAN

5 Mukadimah
Ketua Pegawai Eksekutif LADA

6-15 Panduan Pakaian Ke Pejabat
Aspek Ketrampilan

16 Aksesori

17-18 Dibenarkan & Dilarang

19 Kasut

20 Tips Tambahan

21 Penutup

22 Rujukan

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah LADA mengenai Garisan Panduan Etika Berpakaian Lembaga Pembangunan Langkawi (Edisi 2024)

2. LATAR BELAKANG

PUNCA KUASA:
Pematuhan kepada AKTA Badan Badan Berkanun 605 :
(Tatatertib dan Surcaj 2000)
Etiket pakaian

5. (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melaluiarahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga.

(2) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri sesuatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara itu, dan jika etiket pakaian bagi upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara itu.

(Deraf ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa AntiRasuah LADA Bil 1/2023 pada 26 Januari 2023 dan diminta untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah LADA selaras dengan Peraturan 5, Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605)

Mukadimah

DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Syukur kehadrat Allah SWT atas limpah dan kurniaNya, sebuah naskah yang dinamakan sebagai KARISMA dapat dihasilkan bagi memberi panduan buat seluruh warga Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkenaantatacara serta etika berpakaian semasa hadir berkerja di LADA dan menghadiri majlis-majlis rasmi.

LADA selaku agensi peneraju amat menitik beratkan penampilan serta ketrampilan seluruh pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di bawahnya. Ini merupakan salah satuperkara penting dalam penyampaian perkhidmatan sejajar dengan aspirasi Kerajaan bagi memenuhiekspektasi masyarakat dan meningkatkan imej serta kualiti perkhidmatan awam.

LADA merupakan sebuah jabatan Kerajaan badan berkanun yang sentiasa berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan pemegang taruh termasuklah kementerian, jabatan serta agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Pemilihan pakaian ke pejabat dan menghadiri majlis rasmi haruslah bersesuaian bagi menampilkan imej profesional, kemas dan berkarisma.
KARISMA disediakan selaras dengan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa agar menjadi garis panduan khusus bagi seluruh warga LADA dalam aspek berpakaian dan seterusnya bagi melambangkan kredibiliti LADA sebagai agensi Kerajaan Persekutuan di Langkawi.

Akhir kata, sayaberharap agar KARISMA akandimanfaatkan dalam usaha membentuk budaya kerja serta ketrampilan yang cemerlang. Saya yakin, setiap usaha ke arah yang lebih baik akan sentiasa diberkati dan diredhai oleh Allah SWT.

PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

ASPEK KETRAMPILAN

ASPEK	LELAKI	WANITA
RAMBUT	• Rambut pendek, disisir kemas dan bergunting rapi (tidak mengikut fesyen, mencacak, gaya trojan, punk, skinhead atau hippies) • Janggut dan misai digunting rapi • Tidak mewarnakan rambut	• Rambut yang disisir / diikat rapi mengikut kesesuaian • Memilih tudung yang sepadan dengan baju yang dipakai • Tidak mewarnakan rambut secara berlebihan
KUKU	• Dipotong pendek dan kemas • Tidak digalakkan menggunakan pewarna kuku yang berwarna terlalu terang / hitam	
POSTUR BADAN	Postur badan yang betul semasa duduk dan berjalan	
SOLEKAN	-	sederhana
KOMUNIKASI	• Sentiasa senyum • Memberi salam • Bercakap dengan sopan dan tertib • Saling hormat - menghormati	

PAKAIAN *LOUNGE SUIT* (LELAKI)

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

- Gabungan 2 - pieces suit yang terdiri daripada :
  •Kot
  •Seluar panjang
- Sut perlu disesuaikan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan
- Pilihan warna sut digalakkan warna hitam atau gelap

PAKAIAN *LOUNGE SUIT* (WANITA)

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Gabungan 2 / 3 - pieces suit yang terdiri daripada :
•Kot
•Kemeja
•Skirt bawah paras lutut / skirt labuh
• Seluar panjang

Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan

Pilihan warna sut skirt / seluar panjang digalakkan warna hitam atau gelap

KEMEJA DAN TALI LEHER (LELAKI)

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

KEMEJA

- Kemeja berkolar dan berlengan panjang
- Hujung lengan baju hendaklah dibutangkan atau memakai *cuff link*
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tucked-in*) dan lengan baju tidak dilipat
- Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah berwarna pastel
- Kemeja berjalur hendaklah dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya
- Kemeja berkolar nehru diterima untuk pemakaian di pejabat

TALI LEHER

- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga
- Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian buckle tali pinggang
- Tidak dibenarkan memakai bowtie ke pejabat
- Corak yang bersesuaian

BAJU KURUNG/ KEBAYA

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Baju kebaya / kurung dengan tudung yang bersesuaian bagi perempuan

Fesyen baju kurung / baju kebaya hendaklah tidak keterlaluan dan tidak menggunakan fabrik yang jarang

Fesyen baju kurung / baju kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dengan labuh yang sesuai)

BAJU BATIK

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Batik yang dipakai hendaklah batik Malaysia

Pegawai lelaki digalakkan memakai baju batik berlengan panjang

Baju batik diwajibkan dipakai ke pejabat pada setiaphari Khamis dan digalakkan pada hari-hari lain

Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara. Ini bagi melambangkan identiti dan imej perkhidmatan awam Malaysia

BAJU KORPORAT LADA

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Baju korporat yang dibekalkan perlulah dipakai pada setiap hari Ahad dan perhimpunan bulanan bagi tujuan keseragaman

PAKAIAN SERAGAM PEKERJA

PEMBANTU OPERASI

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

- Memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh jabatan
- Baju dipadankan dengan seluar panjang / skirt labuh / skirt bawah paras lutut (bagi wanita) dan berwarna hitam atau gelap
- Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas

PAKAIAN SERAGAM PEKERJA

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh jabatan

Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas

1. Renjer Taman & Ladang
2. Pemandu Kenderaan

PAKAIAN SERAGAM PEKERJA

UNTUK PAKAIAN KE PEJABAT, MENGHADIRI MAJLIS / ACARA RASMI , MESYUARAT

Memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh jabatan

Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas

1. Polis Bantuan (Operasi & Tugasan AM
2. Mekanik & Pekerja Awam

A K S E S O R I

AKSESORI	LELAKI	WANITA
Pin tali leher	Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju dengan bentuk dan corak yang bersesuaian	-
Barang kemas	-	Haruslah sederhana
Jam tangan	Memakai yang bersesuaian	
Tali pinggang	Seeloknya warna tali pinggang dipadankan dengan warna kasut	
Cuff link	Bentuk dan corak yang bersesuaian	
Wangian / semburan	Pilih bauan yang lembut supaya ia tidak mengganggu pihak lain	
Beg tangan	-	Seeloknya disesuaikan dengan warna kasut
Pin tudung	-	Sederhana dan bersesuaian
Solekan	-	Alat solek hendaklah dipakai secara minimal dan sesuai dengan keadaan
Lanyard	Bentuk dan corak yang bersesuaian dan formal	

LELAKI DIBENARKAN

- Berkepala botak hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut:
  - Genetik
  - Mengerjakan haji/umrah (muslim)
  - Nazar (kaum India)
- Kolar baju perlu kelihatan ½ inci daripada leher
- Memakai tanda nama di sebelah kiri
- Memakai stokin gelap melepasi buku lali

LELAKI DILARANG

- •Menindik telinga
  •Memakai suit yang berlainan warna dengan warna seluar kecuali jika memakai *sports-jacket*
- •Memakai tali leher berkarektor kartun/yang tidak sesuai
  •Memakai lebih 1 cincin pada satu tangan
- •Mempunyai tatoo
  •Memakai *jeans*
- •Berkuku panjang dan tidak bersih
  •Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam dan baju korporat
- •Kemeja bercetakan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan bercirikan unsur politik, ganas, seram dan yang seumpamanya
  •Memakai selipar, loafer, sandal dan kasut sukan

WANITA DIBENARKAN

- Digalakkan memilih tudung yang sepadan dengan warna baju
- Memakai kemeja berlengan panjang
  - Lengan kemeja seelok-eloknya dapat dilihat ½ inci daripada jaket
- Memakai tanda nama di sebelah kiri
  - Kasut bertumit sederhana
  - Memakai sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)
- Memakai hanya 1 cincin pada satu tangan
  - Solekan sederhana
  - Memakai wangian yang sesuai dan minimal

WANITA DILARANG

- Berkuku panjang dan tidak bersih
- Baju yang terdedah di bahagian pinggang *(midriff)*
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam
- Kemeja bercetakan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan bercirikan unsur politik, ganas, seram dan yang seumpamanya
- Selipar, sandal, loafer dan kasut sukan
  - Memakai barang kemas telalu banyak
  - Memakai niqab / purdah
  - Memakai *jeans*

KASUT	
LELAKI	**WANITA**
• Kasut kulit/PVC atau setara • **Bertumit** • Capal boleh dipakai dengan pakaian Baju Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok • Memakai stokin berwarna hitam atau gelap tanpa corak	• Kasut kulit/PVC atau setara • Bertutup • **Bertumit** • Berwarna gelap • Sarung yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)

TIPS TAMBAHAN

- Tanda nama perlu dipakai setiap masa pada pakaian yang bersesuaian
- Wanita mengandung digalakkan memakai kemeja (blouse) yang dipadankan dengan skirt labuh atau berjubah labuh
- Elakkan pemakaian aksesori yang berbunyi/ misalnya gelang kaki berloceng
- Elakkan pakaian berwarna terang (neon) dan baju fesyen yang berlebihan
- **Baju korporat bahagian dibenarkan di pakai pada hari yang ditetapkan**
- Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa berkerja bagi mereka yang ditbekalkan dengannya
- **Warga LADA yang bertugas di lapangan dibenarkan memakai baju-T berkolar dengan logo LADA**
- Pakaian sukan dibenarkan dipakai bersesuaian dengan program

Penutup

PENERBITAN KARISMA DIHARAPKAN DAPAT MEMBENTUK IMEJ DAN PENAMPILAN YANG KEMAS, PROFESIONAL DAN BERETIKA SETERUSNYA MEMBERI PERSEPSI POSITIF DAN KEYAKINAN KEPADA PELANGGAN SEMASA BERURUSAN DENGAN WARGA LADA PADA SETIAP MASA.

Rujukan

- Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuandan Tatatertib)1993
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 : Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai-pegawai Awam
- *The Red Book* : Garis Panduan Tatacara dan Etika Pemakaian Korporat Warga MAMPU
- Kod Etika Pemakaian Parlimen Malaysia Bil 1/2017
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 : Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis
- Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam JPA

DIGITALLYLADA
WE MAKE IT HAPPEN

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Kompleks LADA, Peti Surat 60, Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi Kedah
Tel : 04-9600 600
Faks : 04-9600 509
E-mail : *support@lada.gov.my*